

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN NO. 60**

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menambah baik khidmat talian komunikasi dan internet yang tidak memuaskan di daerah Sik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan secara berterusan giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Sik.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 20 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di Parlimen Sik manakala 6 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan.
3. Selain itu, sebanyak 22 menara sedia ada telah siap dinaiktaraf di Parlimen Sik yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G.
4. Pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar di mana terdapat lebih satu ribu sambungan tersedia melibatkan satu ibusawat talian tetap di Parlimen Sik.
5. Kesemua inisiatif ini adalah usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di Parlimen Sik.
6. Pihak Kerajaan juga telah merangka deraf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.